

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) usaha Kementerian untuk memastikan pemohon kerja dilindungi daripada segala bentuk diskriminasi; dan
- (b) sama ada perlindungan untuk pemohon kerja akan dimasukkan dalam pindaan Akta Kerja 1955.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Objektif Akta Kerja 1955(Akta 265) adalah untuk mengawal selia terma dan syarat minimum pekerjaan bagi pekerja dalam sektor swasta, berdasarkan tafsiran “pekerja” iaitu merujuk kepada mana-mana orang tanpa mengira pekerjaannya, telah menandatangani suatu kontrak perkhidmatan dengan seorang majikan memasuki suatu kontrak perkhidmatan dengan syarat-syarat dan terma yang dipersetujui. Liputan akta 265 mengenai

SOALAN NO : 3

hak dan perlindungan berbangkit hanya setelah bermulanya hubungan pekerja dan majikan.

2. Selaras dengan saranan daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa melalui *Discrimination (Employment and Occupation) Convention No. 111* (1998). Kementerian dalam tindakan menyemak peruntukan undang-undang pekerjaan iaitu khusus berkaitan larangan diskriminasi dalam pekerjaan dimasukkan di dalam cadangan pindaan Akta 265. Cadangan tersebut juga merangkumi definasi diskriminasi berasaskan jantina, agama, bangsa, ketidakupayaan, status perkahwinan, kehamilan dan bahasa. Selain daripada itu, diskriminasi yang melibatkan terma dan syarat pekerjaan dalam suatu kontrak perkhidmatan turut dilarang.

3. Namun begitu, Kementerian tiada cadangan untuk memperuntukkan perlindungan kepada pemohon kerja untuk diliputi dalam Pindaan Akta Kerja 1955. Namun begitu, dalam usaha memastikan keharmonian masyarakat industri, kementerian mengesa agar tiada amalan diskriminasi di tempat kerja dalam apa jua bentuk termasuk dari permulaan pemilihan calon pekerja, pemberian tugas, kenaikan gaji, pemberian bonus dan sebagainya.

4. Kementerian tetap akan menerima aduan-aduan yang dilaporkan dan dijadikan sebagai asas untuk jabatan memulakan siasatan berhubung sebarang isu yang berbangkit. Aduan juga boleh dirujuk untuk kes pertikaian perusahaan di bawah Seksyen 18, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, jika terdapat kes-kes yang melibatkan penamatan pekerja berbangkit dari amalan diskriminasi, pekerja juga boleh memfailkan representasi di bawah seksyen 20, akta yang sama bagi pemulihan pekerjaan sekiranya pekerja diberhentikan.